

TANAH RUNTUH LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KARAK

NORHAFAZAN ZULKIFLI

BENTONG - Syarikat pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, Anih Berhad menegaskan kejadian yang berlaku di Kilometer 52.2 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak bukan berpunca dari tanah runtuh sebaliknya adalah kejadian banjir lumpur.

Presiden Anih Berhad, Datuk Dr Azmil Khalid berkata, pihaknya telah melakukan siasatan di kawasan yang masih di bawah selenggaraan Anih dan mendapati tiada kesan tanah runtuh sebagaimana yang didakwa.

"Kami telah siasat dan kami percaya kejadian berpunca dari hujan lebat dan tekanan air yang kuat sekali gus membawa bersama batu besar dan lumpur serta kayu mati.

"Jangan kata tanah runtuh kerana implikasinya adalah berbeza. Kalau tengok lokasi kejadian, jika berlaku tanah runtuh akan terdapat satu lekukan atau bukit di lokasi kejadian sudah tak ada dah. Malah, struktur bukit di tepi jalan ini masih sama," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak menolak kemungkinan aktiviti penebangan hutan menjadi punca utama kepada kejadian banjir lumpur terbabit.

Katanya, berdasarkan pemantauan yang dibuat terdapat banyak sisa-sisa kayu dan pokok balak yang dihanyutkan air lumpur dalam kejadian tersebut.

Bagaimanapun katanya, siasatan terperinci perlu dilakukan pihak berkuasa bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian di jalan perhubungan

Tinjauan dari udara bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di tempat kejadian tanah runtuh di KM 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, semalam. - Foto: BERNAMA



Berpunca dari banjir lumpur

utama Pahang-Kuala Lumpur itu.

"Saya tidak nampak sendiri jadi saya tidak berani hendak cakap. Saya tak kata yakin (ada aktiviti penebangan hutan) tetapi saya rasa ada, kalau tidak tak akan benda ini boleh berlaku," katanya.

Menurut Azmil, pihaknya mempunyai kuasa terhadap hanya di kawasan lebuhraya berkenaan sahaja dan

tidak mampu mengawal apa-apa kegiatan yang berlaku bersebelahan kawasan itu.

Beliau menjelaskan, kuasa mengawal aktiviti di kawasan berkenaan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

"Kita ada sistem kawalan yang tegas mengenai kawasan lebuhraya ini tetapi apa-apa yang berlaku kali ini

adalah di luar kawalan kita. Jadi sebarang aktiviti yang diluluskan atau tidak kita tidak dapat kawal," katanya.

Azmil berkata, pihaknya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) akan mengadakan sesi dialog bersama agensi kerajaan terlibat bagi memastikan kejadian sama tidak berulang.

Sementara itu, apabila ditanya mengenai langkah yang akan dilaku-

kan pihaknya bagi mengelakkan kejadian seperti itu berulang beliau berkata, akan mengadakan dialog dengan pihak berkuasa terbabit bagi membincangkan perkara itu.

"Kerjasama dan koordinasi yang baik dengan pelbagai agensi terbabit seperti kerajaan negeri dan sebagainya amat penting bagi memastikan kejadian itu tidak berulang lagi," katanya.

Pembalakan tidak terkawal

KUANTAN - Kejadian tanah runtuh yang berlaku di Kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak berhampiran kawasan Lentang-Bukit Tinggi dipercayai berpunca daripada kegiatan pembalakan tidak terkawal di kawasan Hutan Lipur Lentang.

Kebimbangan itu sebelum ini pernah disuarakan Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia

(Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil apabila melihat kegiatan pembalakan tidak terkawal berlaku di hutan itu ekoran projek laluan Tenaga Nasional Malaysia Berhad (TNB) dari Bentong ke Lenggeng, Negeri Sembilan.

Beberapa tindakan juga dilakukan termasuk menghantar surat bantahan kepada kerajaan negeri selain masalah turut disiarkan di media massa, namun tindakan pe-

nguatkuasaan masih longgar menyebabkan pihak yang berkenaan rakus mencabul hutan yang menjadi antara kawasan utama tadahan air di negeri ini.

"Kerja-kerja pembukaan hutan difahamkan bermula sejak akhir Oktober 2013 dan selepas itu, pihak yang berkenaan dengan rakus meneroka hutan di kawasan Hutan Lipur Lentang atas nama pembangunan walaupun ia terletak luar daripada jajarannya.

"Apabila kita mendapat tahu hal ini, Peka pernah menghantar surat secara rasmi kepada kerajaan negeri pada 20 Jan tahun lepas termasuk melahirkan kebimbangan tentang kesan-kesan perbuatan tersebut," katanya.

Shariffa Sabrina berkata, walaupun beberapa siri bantahan dilakukan, namun kegiatan itu masih rancak berlaku menyebabkan hutan semakin gondol sekali gus mendakwa ia menjadi antara punca kejadian tanah runtuh petang kelmarin.

"Akibat projek laluan TNB Lenggeng-Bentong ini ekologi telah tercemar, tanah juga terdedah kepada hujan menyebabkan aliran air di permukaan bertambah dan tidak terserap ke dalam tanah, tetapi terus mengalir menyebabkan kejadian ini berlaku," katanya. - *Bernama*

Laluan masih berisiko gelombang kedua

BENTONG - Jabatan Bomba dan Penyelamat tidak menolak kemungkinan laluan Kilometer 52.5 masih berisiko berlakunya kejadian banjir lumpur sebagaimana yang berlaku kelmarin.

Komandan Operasi Penguasa Kanan 2, Shahrin Yusmar berkata, pihaknya masih membuat pemantau sekiranya berlaku pergerakan tanah dan aliran air.

"Sekiranya hujan lebat berlaku lagi, kami tidak menolak risiko kemungkinan kejadian ini akan berulang.

"Kami masih memantau stabiliti kecerunan selain memantau aliran air dan sekiranya masih ada air, kawasan ini dianggap masih belum betul-betul selamat," katanya.

Beliau berkata, keadaan berjaya dikawal sepenuhnya pada jam 10.30 malam kelmarin di mana 81 mangsa terperangkap di Kuarters Jabatan Perhutanan Bentong berjaya dipindahkan.

"Selain itu, sembilan mangsa yang terkandas di laluan turut berjaya diselamatkan. Trafik mula dibuka pada jam 3 pagi ini (semalam) bagi membuka laluan kepada kenderaan yang terkandas," katanya.



SHAHRIN



Anggota Bomba dan Penyelamat memotong kayu balak bagi membolehkan air melaluinya semalam. - Foto: BERNAMA

Sinar Harian
13/11/2015
mls 8